



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **SESI PENYERAHAN KAD DISKAUN KHAS MENU RAHMAH KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN)**

**NILAI, 29 MEI 2024** – Hari ini saya telah menyempurnakan sesi penyerahan Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH kepada pengusaha gerai Nasi Ayam Berempah di Nilai, Negeri Sembilan.

Penawaran Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH ini merupakan kerjasama strategik antara Kementerian dan pemain industri dalam sektor perdagangan dan pengedaran khusus buat pengusaha-pengusaha Menu RAHMAH di seluruh negara. Antara barangan yang ditawarkan dengan kadar diskaun kepada pengusaha Menu RAHMAH yang telah diluluskan penyertaan dalam program ini adalah barangan mentah seperti ayam, bawang dan barang asas makanan yang lain bagi membantu pengusaha mengurangkan kos penyediaan Menu RAHMAH.

KPDN turut giat melaksanakan program advokasi di seluruh negara untuk menggalakkan lebih ramai pengusaha makanan mendaftar Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH bagi membolehkan peniaga makanan menikmati diskaun khas di pasaraya terpilih iaitu Mydin, Econsave, NSK, AEON Big, Giant, Lotus's, dan Segi Fresh selaku rakan strategik Kementerian yang menawarkan diskaun sehingga 40% bagi pembelian barangan keperluan perniagaan.

Pada masa yang sama, inisiatif ini merupakan salah satu langkah untuk memastikan kelangsungan Program Menu RAHMAH sebagai galakan untuk meningkatkan lagi bilangan pengusaha restoran dalam menyertai Program Menu RAHMAH. Kementerian komited dalam memperluaskan dan menjayakan lagi Program Menu RAHMAH bagi memastikan golongan berpendapatan rendah dapat menikmati pilihan makanan di luar dengan harga yang berpatutan.

KPDN telah membuka pendaftaran Kad Diskaun Khas Menu RAHMAH kepada pengusaha makanan bermula pada 2 November 2023 lalu. Permohonan dan maklumat berkaitan kad diskaun khas ini boleh diakses melalui portal Menu RAHMAH <https://menurahmah.kpdn.gov.my>. KPDN telah memperluaskan penawaran kad diskaun khas ini bukan sahaja kepada pengusaha restoran malah kepada penjaja dan peniaga kenderaan makanan (*food truck*).

Usaha murni yang dijalankan oleh KPDN bersama pihak-pihak berkepentingan ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Kerajaan Madani dalam membantu meringankan kos sara hidup rakyat seterusnya dapat memberikan keselesaan kepada peniaga dan pengguna dalam urusan perbelanjaan mereka bagi membeli barang keperluan pada harga yang lebih murah.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, pihak pemain industri dan orang ramai boleh menghubungi Sekretariat Perdagangan Pengeedaran dan Industri Perkhidmatan (SPIP) di talian hotline 03-8882 5881/5905 atau melalui emel [spip@kpdn.gov.my](mailto:spip@kpdn.gov.my).

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup (KPDN)

**###**